



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA  
MALAYSIA**

## **TEKS UCAPAN**

**YB SENATOR PUAN SARASWATHY KANDASAMI  
TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM KURSUS DANDANAN  
RAMBUT PROFESIONAL  
TAHUN 2024**

**22 FEBRUARI 2024 (KHAMIS)**

**2.30 PETANG**

**STARLIGHT ENTERTAINMENT BISTRO, LEVEL 5, JALAN  
51A/241, SEKSYEN 51a, 47300 PETALING JAYA  
SELANGOR**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,

Terima kasih kepada Pengacara Majlis.

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama menzahirkan rasa kesyukuran kerana diberi kesempatan untuk berhimpun pada petang ini dalam majlis yang amat bermakna terutama bagi peserta – peserta program Kursus Dandan Rambut Profesional.
2. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih terutama kepada Pengerusi Kanna Hair Salon & Academy kerana sudi mengundang saya pada majlis ini.

## **RINGKASAN PROGRAM**

3. Saya difahamkan pada tahun 2023, MITRA telah memberi kelulusan Geran Kewangan untuk Kursus Dandan Rambut Profesional kepada Kanna Hair Salon & Academy bernilai **Sembilan Puluh Lima Ribu dan Dua Puluh Sembilan Ringgit (RM95,029.00) kepada 30 peserta**. Kos seorang peserta adalah sebanyak Tiga Ribu Satu Ratus Enam Puluh Tujuh Ringgit (RM3,167.00).

4. **Objektif utama** kursus ini adalah untuk:
- i. Membantu **mewujudkan pekerja-pekerja tempatan India yang mahir** dalam bidang gunting rambut; dan
  - ii. Melengkapkan peserta program dengan **kemahiran dan kit permulaan** gunting rambut yang boleh membantu menjana pendapatan.
5. Inisiatif ini selaras dengan salah satu aspirasi kerajaan iaitu merapatkan jurang kekurangan pekerja dalam sektor kedai gunting rambut.

### **MEMPERKUKUH DASAR PERPADUAN NEGARA**

Hadirin dan hadirat sekalian,

6. Susulan daripada rombakan kabinet yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini, kini KPN turut diperkukuh dengan penyertaan agensi **Unit Transformasi Masyarakat India** (MITRA). MITRA merupakan sebuah unit khas yang bertanggungjawab dalam menangani isu pembangunan sosioekonomi masyarakat India di Malaysia.

7. Melalui pengukuhan ini, ia memberikan kelebihan kepada KPN untuk mencapai **tiga (3) objektif Dasar Perpaduan Negara** yang menetapkan strategi jangka panjang dalam usaha berterusan untuk memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat.
8. Tiga (3) objektif tersebut ialah :
  - i. Mengukuhkan **perpaduan dan integrasi nasional** berteraskan **Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara**;
  - ii. Membentuk **identiti nasional** dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling hormat menghormati dan bertanggungjawab; dan
  - iii. Melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan **mengamalkan perpaduan**.

## **KURSUS DANDANAN RAMBUT PROFESIONAL**

Hadirin dan hadirat sekalian,

9. Kedai gunting rambut adalah antara sektor yang mengalami kekurangan pekerja. Justeru, terdapat ruang untuk melatih pekerja-pekerja tempatan yang mahir dalam bidang gunting rambut. Melalui Kursus Dandan Rambut Profesional ini, peserta **berpeluang bekerja dalam pelbagai industri** seperti industri perkhidmatan kecantikan, pengayaan rambut, perunding kecantikan, membuka perniagaan sendiri atau menjadi tenaga pengajar.
  
10. Semua peserta program juga akan **diberi penempatan pekerjaan selepas tamat program**. Semoga kursus ini dapat membantu para peserta **menjana pendapatan dan menjamin kehidupan** yang lebih baik

### **PERHARGAAN KEPADA PESERTA**

Hadirin dan hadirat sekalian,

11. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada peserta – peserta yang telah menamatkan Kursus Dandan Rambut Profesional di Kanna Hair Salon & Academy selama dua puluh lima (25)

hari dan seterusnya akan melangkah ke alam pekerjaan dalam bidang yang dipelajari.

12. Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada semua tenaga pengajar dan fasilitator sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung melalui kesungguhan dan kerja keras demi menyediakan dan menyampaikan pembelajaran yang berkualiti kepada para peserta.
13. Semoga dedikasi dan komitmen daripada semua pihak sentiasa direstui. Oleh itu, Saya dengan sukacitanya merasmikan **MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM KURSUS DANDANAN RAMBUT PROFESIONAL TAHUN 2024.**

Sekian, terima kasih.